

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Bahagian A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 20.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih jawapan yang betul.

Huruf mad yang bertemu dengan huruf hamzah pada dua kalimah yang berlainan.

1 Pernyataan di atas merujuk kepada hukum

- A Mad jaiz munfasil
- B Mad wajib muttasil
- C Mad aridh lissukun
- D Mad iwadh

2 Pilih antara berikut yang merupakan hukum mad iwadh.

- A يَغْلَمُ إِذَا
- B قَدْحًا
- C يَهْء نَقْعًا
- D لَكُنُوذٌ

3 Antara berikut yang manakah pengiktirafan Allah SWT terhadap para sahabat?

- A Para sahabat dijanjikan dengan kemenangan
- B Para sahabat dijanjikan dengan harta
- C Para sahabat diberikan kesenangan hidup di dunia
- D Para sahabat diberikan ujian yang berat

4 Antara berikut yang manakah sahabat Rasulullah SAW dari kalangan Ansar?

- A Hamzah bin Abdul Mutalib
- B Ammar bin Yasir
- C Anas bin Malik
- D Abdullah bin Mas'ud

Berlaku adil terhadap dua orang yang bertelingkah

5 Apakah kelebihan melakukan amalan sedekah di atas?

- A Menunjukkan arahannya dipatuhi
- B Mendapat sanjungan masyarakat
- C Menghalang kedua-dua pihak melanggar perintah Allah
- D Menghindarkan perasaan dendam

6 Maksud _____ ialah rasul yang mempunyai kecekalan dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam dakwah.

- A ululazmi
- B ismah
- C mukjizat
- D hissiyyah

7 Al-Ghaniy menurut bahasa bermaksud _____

- A Yang amat banyak memberi rezeki
- B Yang tidak memerlukan kepada yang lain
- C Yang menentukan segala sesuatu
- D Yang gagah perkasa

- Tongkat bertukar menjadi ular dan menelan jelmaan ular ahli sihir.
- Mata air terpancar dari celah batu apabila dipukul dengan tongkat.

8 Pernyataan di atas merujuk kepada mukjizat yang dianugerahkan kepada _____

- A Nabi Musa as
- B Nabi Ibrahim as
- C Nabi Isa as
- D Nabi Nuh as

9 Pilih padanan yang betul mengenai sifat mustahil bagi rasul.

	Sifat Mustahil	Maksud
I	Al-Kizbu	Khianat
II	Al-Khianah	Berbohong
III	Al-Kitman	Menyembunyikan
IV	Al-Baladah	Bodoh

- A I dan II
- B I dan III
- C III dan IV
- D II dan IV

Imam berdiri bersetentang dengan pinggul jenazah. Kepala jenazah berada di sebelah kanan imam.

10 Pernyataan di atas merujuk kepada kedudukan imam ketika solat ke atas jenazah _____

- A lelaki
- B kanak-kanak
- C perempuan
- D lelaki dan perempuan

- 11 Pilih tindakan ketika menghadapi orang yang sedang nazak.
- Memeluk dan memohon maaf kepadanya
 - Diajarkan dengan kalimah tauhid dengan lembut
 - Mengingatkan pesakit agar bersangka baik kepada Allah
 - Dibacakan surah Yasin di sisinya
- A I dan II
C I, II, dan IV
B II dan III
D II, III, dan IV
- 12 Berikut merupakan tarikh sambutan Aidiladha setiap tahun.
- 1 Syawal
 - 1 Zulhijah
 - 10 Zulhijah
 - 10 Zulkaedah
- 13 Kadar nisab bagi zakat emas yang wajib dikeluarkan ialah _____.
- 120 gram
 - 595 gram
 - 85 gram
 - 65 gram
- 14 Pilih pernyataan yang benar mengenai tokoh Bilal bin Rabah.
- Nama kunyah beliau ialah Abu Abdullah
 - Dilantik sebagai muazin pertama dalam Islam
 - Tetap beriman walaupun disiksa oleh tuannya
 - Beliau berketurunan Quraisy
- A I, II dan III
B II, III dan IV
C I, II dan IV
D I, III dan IV

Orang Mekah yang lari ke Madinah perlu dikembalikan ke Mekah. Sebaliknya sesiapa yang lari dari Madinah ke Mekah tidak perlu dikembalikan.

- 15 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.
- syarat Bai'ah Aqabah
 - isi kandungan Piagam Madinah
 - isi kandungan Perjanjian Hudaibiyah
 - syarat Bai'ah Ridhwan

- 16 Pilih bukti keilmuan Sayidina Muaz bin Jabal.
- Seorang yang mahir dalam ilmu perniagaan
 - Sahabat paling alim dalam ilmu halal dan haram
 - Salah seorang sahabat ditugaskan mengumpul al-Quran
 - Dilantik oleh Rasulullah SAW sebagai pakar rujuk al-Quran dan fiqah
- A I, II dan III
B II, III dan IV
C I, III, dan IV
D Semua di atas
- 17 Manakah antara yang berikut cara bersyukur melalui hati?
- Berdoa agar Allah SWT mengurniakan sifat syukur dalam diri
 - Menunaikan amalan-amalan fardu dengan tekun dan istiqamah
 - Mengucapkan terima kasih kepada manusia
 - Meyakini segala nikmat yang diterima adalah daripada Allah SWT
- 18 Maksud syukur menurut bahasa ialah _____.
- pujian
 - ingatan
 - reda
 - nikmat

- Menggunakan bahasa yang sesuai.
- Menjauhi perdebatan dan gurauan yang berlebihan.

- 19 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.
- hikmah beradab ketika berkomunikasi
 - adab berkomunikasi
 - kepentingan adab berkomunikasi
 - kesan beradab ketika berkomunikasi
- 20 Qaulan sadidan merujuk kepada _____.
- kata-kata yang mulia
 - kata-kata yang lemah lembut
 - kata-kata yang tepat mengenai sasaran
 - kata-kata yang benar dan jujur